

BAB 3 MATLAMAT DAN HALA TUJU PEMBANGUNAN RFN4

Matlamat dan hala tuju pembangunan RFN4 dibentuk untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur, berdaya tahan dan sejahtera bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan pembangunan wilayah, bandar dan luar bandar, meningkatkan kecekapan pengurusan sumber semula jadi dan warisan seterusnya memandu arah pembangunan fizikal negara yang berdaya laksana.

RFN4 menerapkan strategi khusus dalam mencorakkan agenda perancangan sebagai platform ke arah pembangunan pintar, meningkatkan daya huni dan kualiti hidup, berdaya tahan dalam menangani risiko bencana semula jadi dan adaptasi perubahan iklim, memacu pertumbuhan ekonomi ke arah pengagihan yang saksama dalam mencapai keadilan dan kesejahteraan sosial.



Pembentukan Matlamat RFN4

Pembentukan matlamat dan hala tuju pembangunan RFN4 berasaskan kepada lima prinsip utama iaitu komprehensif, kompetitif, katalis, kelestarian dan komuniti. Aspirasi RFN terdahulu turut diambil kira sebagai input tambahan dalam pembentukan matlamat RFN4.

Hasil pertimbangan dari kesinambungan RFN terdahulu, RFN4 memperkenalkan konsep **Ekosistem Spatial yang Komprehensif (*Comprehensive Spatial Ecosystem*)** merangkumi kombinasi konsep pembangunan yang mengoptimalkan ruang secara polisentrik di pusat-pusat pertumbuhan utama dan monosentrik di luar pusat pertumbuhan utama. Konsep ini disokong dengan rangkaian perhubungan yang bersepadu untuk meningkatkan ketersambungan antara wilayah.

Hasrat dan aspirasi perancangan negara dalam mengagihkan pembangunan yang saksama antara wilayah bagi mengecapi kemakmuran dan kesejahteraan di setiap peringkat perancangan turut diberi penekanan dalam dokumen ini. Konsep ini akan membantu dalam memastikan perancangan fizikal mampu mencipta impak yang signifikan dalam menyokong pembangunan sosioekonomi dan pembangunan modal insan selaras dengan unjuran penduduk seramai 32.6 juta orang (Semenanjung Malaysia & W.P. Labuan) dan kadar perbandaran yang dijangka tidak melebihi 85% pada tahun 2040.

Matlamat RFN4

Matlamat RFN4 adalah untuk mencapai **Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera**. Hasil daripada penemuan analisis serta rujukan pelan-pelan pembangunan termasuk RMKe-11, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan dasar-dasar strategik yang berkaitan, matlamat ini dijangka mampu menjadi inspirasi utama dalam mencorak pembangunan negara untuk mencapai status negara maju, berharmoni dan sejahtera. Pengolahan istilah makmur, berdaya tahan dan sejahtera dalam konteks RFN4 adalah seperti berikut:

MATLAMAT RFN4
MALAYSIA MAKMUR,
BERDAYA TAHAN DAN
SEJAHTERA

MAKMUR, BERDAYA TAHAN DAN SEJAHTERA

01 MAKMUR

Pembangunan yang serba lengkap dari sudut penyediaan infrastruktur yang menyeluruh, pemantapan prestasi ekonomi di setiap wilayah, peluang dan penglibatan masyarakat dalam proses pembangunan dan membuat keputusan, penggunaan sumber tenaga yang bersih dan berinovasi serta pembangunan bandar secara mampan dalam memastikan pengagihan kekayaan dapat dikongsi dan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

02 BERDAYA TAHAN

Pembangunan yang mempunyai kapasiti untuk menghadapi cabaran kesan daripada ketidakpastian dan transformasi terhadap struktur ekonomi, adaptasi kesan perubahan iklim, bencana alam, corak pembangunan fizikal dan sosial. Dalam masa yang sama mempunyai kebolehan untuk segera pulih dalam mengekalkan prestasi dan fungsinya ke arah yang lebih baik.

“Resilience, of the social and ecological systems is a fundamental measure of sustainable development. The capacities of the systems and respond to change and to create lasting well-being for people and place are some features that closely define resilience.”

Sumber: Brief for GSDR 2015, Resilience Framework For Measuring Development By Anshul S Bhamra, Development Alternatives, United Nations

03 SEJAHTERA

Perancangan pembangunan yang menghasilkan kualiti dan suasana yang harmoni melalui keberkesanan strategi pembangunan seimbang berpaksikan teras fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar secara kolektif. Kesan yang progresif terhadap produktiviti dan kemajuan masyarakat secara menyeluruh juga dapat diperolehi.

“Walaupun tiada definisi khusus bagi kesejahteraan, istilah ini secara umumnya dikaitkan dengan taraf dan kualiti hidup yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, fizikal dan psikologi yang memberikan manfaat kepada masyarakat.”

Sumber: RMKe-11 (2015 – 2020)

Prinsip Pembentukan Matlamat RFN4

Matlamat bagi RFN4 turut berpaksikan kepada **lima (5) prinsip utama**. Prinsip-prinsip ini dijadikan asas dalam pembentukan konsep dan ianya diintegrasikan dengan pelan strategik perancangan spatial. Berikut merupakan interpretasi prinsip-prinsip tersebut dalam konteks RFN4:

PRINSIP UTAMA

01 KOMPREHENSIF

Perancangan yang menyeluruh dan berupaya membangunkan negara yang mengintegrasikan hala tuju pembangunan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Pembangunan yang mengukuhkan hubungan antara wilayah menerusi agihan ekonomi yang saksama, penyediaan jaringan perhubungan, infrastruktur, alam sekitar yang mampan, dan kemudahan sosial yang menyeluruh dan mencukupi;

02 KOMPETITIF

Perancangan yang meningkatkan iltizam untuk mencapai aspirasi negara ke arah lebih berdaya saing dan seimbang dari segi pembangunan fizikal, ekonomi dan pembangunan insan di peringkat global, nasional dan wilayah dengan adanya agihan peluang dan pembangunan yang saksama;

03 KATALIS

Perancangan yang berupaya memacu pembangunan di sesebuah kawasan yang berpadanan dengan potensi tersendiri dalam mencorakkan pembangunan negara ke arah peningkatan daya saing dan daya huni yang dapat disesuaikan dengan gaya hidup dan imej sesebuah bandar;

04 KELESTARIAN

Perancangan yang mempunyai keupayaan secara berterusan untuk memelihara dan memulihara sumber dan aset semula jadi negara seperti kawasan yang mempunyai kepentingan ekologi, kawasan warisan sejarah dan budaya. Peningkatan kualiti hidup masyarakat dapat dinikmati melalui persekitaran yang bersih, selamat dan mampan;

05 KOMUNITI

Pengkhususan perancangan dalam pemeraksanaan dan kesejahteraan komuniti dapat diwujudkan melalui platform penyertaan yang responsif di peringkat perancangan serta kerjasama yang terbuka kepada semua. Akses kepada kemudahan infrastruktur, perumahan, pendidikan yang berkualiti dan kolaborasi strategik bersama pihak berkepentingan merupakan mekanisme dalam pemeraksanaan komuniti.




Konsep Strategik Perancangan RFN4


Pembentukan konsep bagi perancangan fizikal negara memberi tumpuan terhadap aspek-aspek yang menjamin keseimbangan pembangunan guna tanah, pertumbuhan ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar. Pembentukan konsep strategik perancangan RFN4 berasaskan **empat (4) aspek utama** seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 3-1**. Kombinasi empat (4) aspek utama ini telah membentuk konsep **Ekosistem Spatial yang Komprehensif [Comprehensive Spatial Ecosystem (CSES)]** bagi RFN4.

Keempat-empat aspek utama ini memberi fokus ke arah perancangan **pembangunan yang menyeluruh dan bersepadu untuk membentuk satu ekosistem perancangan yang seimbang dan harmoni**.

Rajah 3-2 menunjukkan gambaran kombinasi empat (4) aspek yang membentuk konsep yang telah diolah berdasarkan aspek utama RFN4 yang telah dibentuk. Kombinasi konsep ini akan membantu pembentukan pelan konsep keseluruhan CSES bagi Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan (**Rujuk Pelan CSES di Pelan 3-1 dan Pelan 3-2**). Perincian dan perkaitan bagi setiap ciri yang telah dibentuk ini akan dihuraikan secara terperinci dalam konteks keperluan perancangan di kawasan yang terlibat dalam RFN4.



Rajah 3-1: Empat (4) aspek utama pembentukan konsep RFN4
Sumber: RFN4, 2020




Rajah 3-2: Kombinasi empat pelan bagi setiap aspek dalam pembentukan konsep CSES
Sumber: RFN4, 2020

A) Penggunaan Tanah Secara Optimum

Penggunaan tanah secara optimum dapat memastikan setiap ruang tanah digunakan secara efisien mengikut kesesuaiannya. Ini termasuklah penggunaan ruang tanah yang selaras dengan keperluan penduduk dan dapat mengelakkan pembaziran dalam penggunaan sumber (rujuk lakaran konsep corak pembangunan tanah optima di **Rajah 3-3**). Oleh itu, RFN4 mendasarkan kadar penggunaan tanah yang selari dengan kadar pertumbuhan penduduk iaitu nisbah 1.0 bagi Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan menjelang tahun 2040. Dijangkakan pertumbuhan guna tanah tepu bina pada tahun 2040 bagi Semenanjung Malaysia adalah sehingga 11.4% dan W.P. Labuan sebanyak 57.1%.

Selain itu, tumpuan pembangunan akan dibuat secara berfokus di kawasan-kawasan pertumbuhan yang telah dikenal pasti iaitu Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dan Pusat Katalis. Kawasan pertumbuhan ini merupakan pusat tumpuan aktiviti ekonomi dan berperanan dalam mencorak pertumbuhan pembangunan di kawasan sekitarnya. Pembangunan baru di kawasan pertumbuhan ini perlu memberi keutamaan kepada kawasan pembangunan sedia ada seperti kawasan *brownfield* dan kawasan yang berpotensi untuk pembaharuan semula bandar.

Pembangunan secara terancang dan terkawal dapat memastikan agihan ruang tanah yang lebih seimbang serta mengelakkan penerokaan kawasan pertanian dan hutan secara berleluasa bagi tujuan pembangunan. Analisis trend guna tanah menunjukkan pada tahun 2018, Semenanjung Malaysia mengalami penurunan keluasan tanah pertanian sehingga 10% berbanding tahun 2001. Strategi perancangan yang lebih strategik dan berkesan perlu dilaksanakan bagi mengekalkan kawasan hutan dan pertanian terutamanya kawasan yang terlibat dalam pengeluaran bekalan makanan dalam negara. Strategi penggunaan tanah secara terkawal dan seimbang dapat membantu mewujudkan satu ekosistem perancangan yang seimbang serta saling melengkapi antara satu sama lain.



Rajah 3-3: Lakaran Konsep Corak Pembangunan Tanah yang Optimum bagi RFN4
Sumber: RFN4, 2020



Kawasan tanaman padi yang masih dikekalkan fungsinya sebagai aset sumber makanan negara.

B) Fokus Pembangunan Ekonomi Di Kawasan Pertumbuhan Utama

Kawasan pertumbuhan utama adalah **Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan**. Berikut merupakan definisi dan peranan kawasan pertumbuhan.

- **Konurbasi** : Meliputi Konurbasi Utama dan Konurbasi Sekunder yang wujud hasil daripada aglomerasi di bandar-bandar utama, mempunyai aktiviti guna tanah yang menjana pulangan ekonomi yang tinggi dan menjadi tumpuan penduduk serta mempunyai sistem transit, perhubungan dan infrastruktur yang efisien.
- **ZPP** : Pusat petempatan yang mempunyai hubung kait kukuh bagi aktiviti ekonomi, sosial dan pentadbiran, hubungan strategik dengan bandar utama yang lain, pusat pekerjaan dan tumpuan penduduk serta kemudahan perbandaran yang mencukupi.
- **Pusat Katalis** : Pusat petempatan yang mempunyai potensi dalam memandu pertumbuhan perbandaran di kawasan sekitarnya berdasarkan manfaat pembangunan sedia ada.
- **Pusat Agropolitan** : Pusat agropolitan berfungsi sebagai pusat khidmat pertanian utama yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi setempat menerusi rangkaian aktiviti hiliran, pusat pemasaran dan dagangan pertanian, pusat latihan tempatan serta penyediaan kemudahan berkaitan.

Keseimbangan pertumbuhan ekonomi dapat dilaksanakan melalui kaedah pembangunan berasaskan konsep polisentrik dan monosentrik **selaras dengan Perkara 51 dalam Agenda Perbandaran Baharu (NUA)** yang menggalakkan pemakaian kaedah ini bagi mengukuhkan perancangan serta meningkatkan kecekapan sumber jaya, daya tahan bandar dan kemampuan alam sekitar. RFN4 telah mencadangkan penggunaan kedua-dua pola ini mengikut kesesuaian sesebuah kawasan pertumbuhan tersebut.

Konsep Polisentrik:

Hubung kait aktiviti dari aspek kepentingan sosioekonomi dan fizikal berlaku di dalam lingkungan Konurbasi atau ZPP.

Konsep Monosentrik:

Hubung kait aktiviti yang berlaku di antara beberapa bandar atau pekan di Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan

FAKTA RINGKAS

PERANAN KONURBASI UTAMA DAN KONURBASI SEKUNDER

Konurbasi Utama:


Tumpuan untuk memperkukuhkan dan meningkatkan nilai tambah sektor ekonomi negara; dan

Konurbasi Sekunder:


Tumpuan untuk memperkukuhkan dan meningkatkan nilai tambah sektor ekonomi wilayah.

Sumber: RFN4, 2020

Kesinambungan daripada definisi yang telah diuraikan, **perkaitan dalam konsep polisentrik** meliputi hubungan antara beberapa bandar / pusat tumpuan yang mempunyai nod tersendiri seperti nod ekonomi dan nod pengangkutan (terminal pengangkutan, lapangan terbang dan pelabuhan) dimana ianya menjadi faktor kepada berlakunya pergerakan penduduk di dalamnya seperti yang digambarkan dalam lakaran konsep di **Rajah 3-4**.




Rajah 3-5: Contoh konsep polisentrik (W.P. KL dan Shah Alam)
Sumber: RFN4, 2020



Rajah 3-4: Lakaran konsep menunjukkan kesalinghubungan dan kebergantungan aktiviti komersial dan petempatan
Sumber: RFN4, 2020

Rajah 3-5 menunjukkan gambaran bagi konsep polisentrik di konurbasi maju di mana berlakunya hubung kait aktiviti di antara beberapa bandar seperti Bandar Global, Bandar Wilayah, Bandar Negeri dan Bandar Utama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor. Pergerakan penduduk dengan pelbagai tujuan seperti pekerjaan, kediaman, pendidikan dan kemudahan di antara rangkaian bandar-bandar tersebut menyebabkan serakan pembangunan ke kawasan sekitar berlaku dan ianya turut menyumbang kepada perkembangan proses perbandaran sesuatu kawasan.

Konsep monosentrik dapat dilihat melalui hubung kait aktiviti yang berlaku di antara beberapa bandar atau pekan di Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan. Pergerakan penduduk yang berlaku di antara bandar atau pekan bersesuaian dengan fungsi dan hierarki yang memberikan perkhidmatan perniagaan atau pertadbiran di kawasan yang lebih kecil. Tumpuan aktiviti yang berlaku ini dapat menjadikan bandar atau pekan tersebut sebagai kawasan pertumbuhan pembangunan dan ini bersesuaian dengan fungsi Pusat Katalis yang dicadangkan. Contoh hubung kait antara Pusat Katalis (Gua Musang) dan pekan berdekatan seperti Jerek, Blau, Bertam Baharu, Felda Perasu dan Merapoh (rujuk **Rajah 3-6**).



Rajah 3-6: Contoh konsep monosentrik bagi Pusat Katalis Gua Musang
Sumber: RFN4, 2020

C) Peningkatan Ketersambungan Antara Wilayah Melalui Rangkaian Perhubungan Yang Bersepadu

Ketersambungan antara wilayah menerusi jaringan fizikal merupakan komponen terpenting dalam mencorakkan rebanan pembangunan sesebuah kawasan. Beberapa manfaat utama daripada ketersambungan kawasan adalah menambahbaik mobiliti penduduk, barangan dan perkhidmatan melalui penaiktarafan infrastruktur (pengangkutan, komunikasi dan sebagainya).

Susulan daripada penambahbaikan mobiliti, pelaburan dapat ditingkatkan melalui pelan ekonomi yang strategik dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baru bagi menaiktaraf ekonomi penduduk. Selain itu, masalah kesesakan dan kepadatan sesebuah kawasan dapat dikurangkan dan akhirnya dapat mewujudkan persekitaran kehidupan yang lebih berkualiti.

Implikasi daripada kepentingan aspek ketersambungan ini dapat dilihat menerusi kepesatan pembangunan di Pantai Barat yang mempunyai rangkaian hubungan pengangkutan yang maju hingga menjadi kawasan tumpuan penduduk dan ekonomi. Sehubungan itu, RFN4 menekankan jaringan fizikal yang lebih menyeluruh dalam mengimbangi pembangunan antara wilayah seperti yang digambarkan dalam **Rajah 3-7**.


Bagi merealisasikan ketersambungan antara wilayah, **lima (5) hubungan (linkages)** dikenal pasti di Semenanjung Malaysia iaitu :

5 Koridor Utama Dalam Pelan Strategik Ekosistem Spatial yang Komprehensif :

1. *Highly Strategic Developed Linkage*
2. *Highly Strategic Developing Linkage*
3. *Strategic East West Linkage*
4. *Potential Linkages*
5. *Local Connector*

01
Highly Strategic Developed Linkage

Merupakan koridor semasa yang telah matang di bahagian Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Hubungan Utama). Pembangunan yang pesat di kawasan ini disokong oleh aktiviti dan pertumbuhan ekonomi di Konurbasi Utama, Sekunder dan ZPP di sepanjang Pantai Barat. Jaringan perhubungan pengangkutan darat dan udara yang kukuh turut menyumbang ke arah kepesatan pembangunan dan membuka peluang ekonomi dan memudahkan akses perhubungan sesama negeri.



Rajah 3-7: Lakaran konsep pengukuhan hubungan antara wilayah di Semenanjung Malaysia
Sumber: RFN4, 2020

02 *Highly Strategic Developing Linkage*

Merupakan koridor semasa yang sedang membangun di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Hubungan Sekunder). Rangkaian hubungan sekunder di sekitar kawasan ini berpotensi untuk dinaiktaraf infrastruktur bagi menjana peluang ekonomi dan pekerjaan bagi masyarakat setempat di wilayah ini. Penekanan kepada menaiktaraf jaringan jalan raya dan rel dapat memberi manfaat terhadap Wilayah Timur disamping meningkatkan aksesibiliti dari Konurbasi Utama, khususnya Lembah Klang untuk ke Pantai Timur.

03 *Strategic East West Linkage*

Terdapat keperluan bagi hubungan strategik utama dalam menghubungkan dua jajaran pembangunan utama iaitu Pantai Barat dan Pantai Timur. *Strategic East West Linkage* mengambil manfaat daripada lokasi strategik di nod utama konurbasi utama dan nod utama di Konurbasi Sekunder. Limpahan pembangunan akan lebih mudah diagihkan menerusi jaringan fizikal ini dengan meningkatkan akses kepada kawasan lain untuk pembangunan.

04 *Potential Linkages*


Merupakan jaringan dalaman yang akan mengukuhkan lagi perhubungan di antara negeri-negeri di Wilayah Utara – Selatan, Wilayah Utara – Timur dan sebagai pelengkap kepada cadangan perhubungan seperti *Highly Strategic Developed Linkage*, *Highly Strategic Developing Linkage*, dan *Strategic East West Linkage*. Cadangan *Potential Linkages* yang dicadangkan ini akan mengambilkira faktor-faktor pemuliharaan aset-aset semula jadi dan biodiversiti semasa.

Manakala *Potential North South Linkage* akan menjadi penghubung di antara Wilayah Utara dan Selatan di kawasan pertumbuhan yang strategik. Pelaksanaannya adalah lebih kepada menaik taraf jalan sedia ada serta tambahan rangkaian pengangkutan baru di nod-nod yang berpotensi. Perancangan dan kaedah pelaksanaan bagi kedua-dua hubungan (*linkages*) ini dengan teknologi infrastruktur bersesuaian memerlukan usaha berterusan supaya pelaksanaannya selepas 2040 dapat dibuat tanpa menjejaskan ekologi hutan sedia ada.

05 *Local Connector*

Memainkan peranan penting dalam melengkapkan dan meningkatkan keupayaan perhubungan di peringkat tempatan. Selain dapat menghubungkan Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan, peranan *local connector* ini turut menyokong fungsi *Highly Strategic Developed Linkage*, *Highly Strategic Developing Linkage* dan *Potential Linkages* dalam memastikan sistem perhubungan dan pengangkutan yang lebih strategik dan menyeluruh serta meningkatkan peluang pembangunan yang saksama.

Bagi keseluruhan Wilayah Persekutuan Labuan termasuk pulau-pulau, corak pembangunan berteraskan konsep ekosistem spatial yang komprehensif dirangka dan berperanan sebagai ZPP, dua (2) hubungan (*linkages*) dikenalpasti iaitu :-



Sekitar **Taman Victoria** di Pusat Bandar W.P. Labuan

Rajah 3-8: Lakaran konsep pengukuhan hubungan di W.P. Labuan
Sumber: RFN4, 2020

01 Strategic Developing Linkage

Pemantapan perhubungan melalui *Strategic Developing Linkage* yang menghubungkan Ganggarak dan Ranca-ranca bukan sahaja dapat mengukuhkan hubungan ekonomi malah ia turut merancakkan lagi pembangunan di Koridor Utama (*Primary Corridor*) dan Koridor Sekunder (*Secondary Corridor*). Peningkatan perhubungan di antara W.P. Labuan dengan negeri Sabah ditingkatkan lagi melalui cadangan Jambatan Labuan – Sabah.

02 Local Connector


Cadangan *local connector* merupakan pelengkap kepada *Strategic Developing Linkage* di mana dapat menjamin hubungan strategik antara Bandar Wilayah (Bandar Labuan) dan Bandar Tempatan (Ganggarak, Layang-Layangan, Simping Tamu dan Bebuloh) serta penyambung kepada Koridor Utama (*Primary Corridor*) dan Koridor Sekunder (*Secondary Corridor*).

D) Pemeliharaan dan Pemuliharaan Aset Ekologi dan Pertanian

Pemeliharaan sumber semulajadi merupakan had utama kepada rebakan pembangunan yang akan berlaku di kawasan-kawasan pertumbuhan. Justeru ia turut menjadi intipati utama dalam konsep pembangunan RFN4 selaras dengan pemeliharaan khazanah ekologi negara yang pelbagai meliputi ekosistem darat, pesisir pantai dan marin serta kawasan sumber makanan. Kesemua aset ini akan terus dipelihara dan dipulihara dalam memastikan kelangsungan ekosistem biodiversiti dan alam sekitar yang penting untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi negara seperti dalam **Rajah 3-9**.

Kawasan litupan hutan semasa sebanyak 47.7 peratus akan terus kekal dan disasarkan ke arah peningkatan sebanyak 2.3 peratus dengan strategi dan tindakan yang digariskan. Rangka kerja Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) semasa akan terus diperkukuh dalam memastikan aktiviti pembangunan di kawasan ini perlu diurus dan dikawal selia dengan baik.

Kawasan sumber makanan juga merupakan aset penting yang memerlukan pemeliharaan daripada sebarang aktiviti pembangunan khususnya di kawasan bersempadan dengan kawasan pertumbuhan. Pengekalan 10 jelapang padi di dalam RFN4 merupakan langkah utama ke arah jaminan tahap sara diri beras sebanyak 80 peratus pada masa hadapan.



Rajah 3-9: Lakaran konsep corak pembangunan yang memberi penekanan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan aset ekologi dan pertanian
Sumber: RFN4, 2020




Flora di Sungai Papan, **Taman Negeri Royal Belum**, Perak.



Hutan Paya Bakau di Pulau Kukup masih dikekalkan dan dipulihara ekosistemnya sebagai salah satu langkah kawalan hakisan pantai di kawasan tersebut.



Tasik dan flora yang terdapat di **Taman Negeri Royal Belum**, Perak.




Nota: LGK - Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi
 AOR - Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim
 PEN - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
 IPH - Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah
 SZB - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah
 KUL - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
 MKZ - Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka
 JHB - Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
 KTE - Lapangan Terbang Keroh
 TGG - Lapangan Terbang Sultan Mahmud
 KBR - Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

PELAN 3-1: PELAN KONSEP EKOSISTEM SPATIAL YANG KOMPREHENSIF [COMPREHENSIVE SPATIAL ECOSYSTEM (CSES)] SEMENANJUNG MALAYSIA

Kawasan Pertumbuhan	Koridor	Pintu Masuk Negara	Lain-Lain
● Konurbasi Utama	Highly Strategic Developed Linkage	➔ Pintu Masuk Perairan	✈ Cadangan Lapangan Terbang
● Konurbasi Sekunder	Highly Strategic Developing Linkage	➔ Pintu Masuk Darat	🌊 Cadangan Pelabuhan
● Zon Promosi Pembangunan	Strategic East West Linkage	✈ Lapangan Terbang	○ Tepu Bina
● Pusat Katalis	Potential Linkages	🌊 Pelabuhan	● Aset Pertanian
□ Pusat Agropolitan	--- Local Connectors		● Aset Ekologi
			--- Sempadan Negeri

Sumber:
 Rancangan Fizikal Negara
 Ke-4, 2020



Laut China Selatan

W.P. LABUAN



Ke Sipitang, Sabah

SABAH

Ke Kota Kinabalu

Ke Limbang - Sipitang

PELAN 3-2: KONSEP STRATEGIK 'EKOSISTEM SPATIAL YANG KOMPREHENSIF W.P. LABUAN'

Kawasan Pertumbuhan

- Zon Promosi Pembangunan
- Koridor Utama
- Koridor Sekunder

Koridor

- - - - Strategic Developing Linkage
- - - - Local Connectors

Pintu Masuk W.P. Labuan

- ➔ Pintu Masuk Perairan
- - - - Cadangan Jambatan Labuan - Mempakul (Menumbok), Sabah
- ✈ Lapangan Terbang
- 🚢 Pelabuhan
- 🚏 Terminal Feri Antarabangsa

Hierarki Bandar

- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

Lain-Lain

- Aset Pertanian
- Aset Ekologi
- Badan Air
- - - - sempadan Wilayah Persekutuan Labuan

Sumber:
Rancangan Fizikal Negara
Ke-4, 2020

Rangka Strategik Perancangan Spatial

Rangka Strategik Perancangan Spatial RFN4, memperincikan guna tanah dan kawasan pertumbuhan, jaringan pengangkutan dan infrastruktur, kemampunan spatial dan pengurusan sumber. Cadangan serta komitmen tersebut diterjemahkan kepada **tiga (3) Pelan Perancangan Spatial (PPS)** iaitu:

- **PPS 1:** Pelan Perancangan Spatial Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan
- **PPS 2:** Pelan Pengurusan Sumber Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan
- **PPS 3:** Pelan Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan

Rangka Strategik Perancangan Spatial **PPS 1**

Pelan Perancangan Spatial Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan

Pelan rangka strategik komprehensif penting untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan dalam menterjemah hala tuju dan transformasi perancangan spatial negara. PPS 1 dihasilkan untuk memberi panduan secara terperinci mengenai hala tuju corak perancangan spatial melalui strategi dan tindakan yang dibentuk dalam RFN4. **Pelan 3-3** menunjukkan Pusat Pertumbuhan di Semenanjung Malaysia dan W.P Labuan.

PPS1-A *Kawasan Pertumbuhan : Konurbasi*

Potensi ekonomi dan limpahan pembangunan semasa telah membentuk **empat (4) konurbasi** merangkumi **Konurbasi Nasional** (konurbasi utama) dan **Konurbasi Utara, Konurbasi Timur dan Konurbasi Selatan** (konurbasi sekunder) dengan kriteria dan ciri-ciri yang telah disenaraikan di bawah.

Definisi serta peranan konurbasi utama dan konurbasi sekunder diperincikan di **muka surat 3-7** yang turut mempunyai perkaitan khusus dan diberi pertimbangan dalam pembentukan konsep strategik RFN4.

Kawasan Pertumbuhan RFN4

4 Konurbasi

11 Zon Promosi
Pembangunan (ZPP)

- 9 Pusat Pertumbuhan Semasa
- 2 Cadangan Baharu

24 Pusat Katalis

23 Pusat Agropolitan

Kriteria dan Ciri-Ciri Konurbasi

1. Aglomerasi bandar utama;
2. Corak pembangunan bercirikan polisentrik;
3. Penyumbang utama ekonomi negara;
4. Bilangan penduduk melebihi 1 juta orang;
5. Densiti pekerjaan yang tinggi (jumlah pekerjaan dan KDNK per kapita yang tinggi);
6. Mempunyai aktiviti guna tanah yang menjana pulangan ekonomi yang tinggi;
7. Mempunyai sistem transit, perhubungan dan infrastruktur yang efisien serta efektif;
8. Terletak dalam lingkungan 90 minit (bagi Konurbasi Utama) dan 60 minit (Konurbasi Sekunder) jarak masa perjalanan ke kawasan tumpuan pekerjaan.

Sumber RFN4, 2020



Senarai Konurbasi :

1) Konurbasi Nasional

- Peneraju ekonomi nasional melalui **koridor sedia ada** – W.P. Kuala Lumpur, W.P Putrajaya dan **sebahagian Negeri Selangor (Shah Alam – Klang - Pelabuhan Klang - Ampang Jaya - Petaling Jaya - Subang Jaya – Kajang – Sepang)** serta **pembukaan koridor baharu di bahagian utara** dari Bestari Jaya – Ijok - Puncak Alam - Bandar Bukit Beruntung - Serendah - Batang Kali – Kuala Kubu Bharu - Tanjung Malim dan di bahagian selatan merangkumi sebahagian kawasan *Malaysia Vision Valley (MVV)* (Daerah Seremban dan Port Dickson, Negeri Sembilan) dengan jarak masa perjalanan 90 minit dan cadangan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (*West Coast Expressway*) dan Rel Berkelajuan Tinggi iaitu Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR).
- Memacu pembangunan ekonomi dengan menumpukan aktiviti perniagaan dan perindustrian yang disokong oleh penyediaan kemudahan pengangkutan yang efisien seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta Pelabuhan Klang yang turut menjadi gerbang pintu masuk negara.

2) Konurbasi Utara

- Memacu ekonomi di bahagian utara dengan merangkumi keseluruhan Negeri Pulau Pinang dan **pembukaan koridor baharu di sebahagian Negeri Kedah (meliputi Kulim – Sungai Petani-Bandar Baharu-Yan) dan Utara Perak (Parit Buntar- Bagan Serai-Alor Pongsu dan Selama)** melalui jarak masa perjalanan 60 minit. Konurbasi ini disokong oleh sistem pengangkutan yang efisien dan cekap seperti Lebuh Raya Utara Selatan, perkhidmatan rel, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Pulau Pinang. Konurbasi Utara akan menjadi gerbang pintu masuk negara kedua dengan adanya cadangan infrastruktur utama negara iaitu pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) yang menjadi faktor utama pembesaran had konurbasi dan pemangkin utama pembangunan.

3) Konurbasi Selatan

- Memacu pertumbuhan ekonomi di bahagian Konurbasi Selatan merangkumi Johor Bahru – Senai – Skudai – Kulai - Pasir Gudang - Tanjung Pelepas - Pontian - Kota Tinggi - Desaru - Pengerang serta **pembukaan koridor baharu sehingga ke Bandar Tenggara** yang mengambil kira jarak masa perjalanan 60 minit. Konurbasi ini disokong oleh sistem pengangkutan yang efisien dan cekap seperti Lebuh Raya Utara Selatan, perkhidmatan rel, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan empat (4) pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Langsat dan Pelabuhan Pengerang. Cadangan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (*West Coast Expressway*) dan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) menjadi faktor utama pembesaran had konurbasi dan pemangkin utama pembangunan.
- Kedudukan konurbasi ini juga turut mengambil manfaat dari kedudukannya yang bersebelahan Singapura dimana turut menerima kesan ekonomi di sekitar Johor Bahru.

4) Konurbasi Timur

- Memacu pertumbuhan ekonomi di bahagian Konurbasi Timur merangkumi Kuantan - Pekan - Gambang serta **pembukaan koridor baharu di selatan negeri Terengganu (Chukai – Kerteh)** yang mengambil kira jarak masa perjalanan 60 minit. Konurbasi ini disokong oleh sistem pengangkutan yang efisien dan cekap seperti Lebuhraya Pantai Timur, perkhidmatan rel, Lapangan Terbang Kerteh dan tiga (3) pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kerteh. Cadangan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3, Cadangan Lapangan Terbang Chendor dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) menjadi faktor utama pembesaran had konurbasi, pemangkin utama pembangunan melalui aktiviti perindustrian dan pelabuhan dengan sistem aksesibiliti yang cekap serta memperkukuhkan peranan konurbasi ini sebagai gerbang pintu masuk Konurbasi Timur.
- Lingkungan kawasan konurbasi dijangka terus diperluaskan di masa akan datang dan memerlukan kaedah perancangan khusus supaya kepesatan pembangunan sentiasa mengambil kira kepentingan aspek alam sekitar dan pengurusan sumber mampan.

PPS 1-B Kawasan Pertumbuhan : Zon Promosi Pembangunan (ZPP)

Corak pembangunan guna tanah menunjukkan **11 ZPP** yang telah dikenal pasti termasuk dua (2) cadangan baharu iaitu **ZPP Jerantut – Bandar Tun Razak (Maran) – Temerloh – Mentakab** dan **ZPP Tangkak – Bandar Maharani Bandar Diraja – Pagoh**. Terdapat juga kawasan yang telah digabungkan berdasarkan potensi pembangunan sedia ada di kawasan tersebut.

Kriteria dan Ciri-Ciri Zon Promosi Pembangunan (ZPP)

- Pusat petempatan yang mempunyai hubungan kait yang kukuh dari segi aktiviti ekonomi, sosial dan juga pentadbiran;
- Corak pembangunan bercirikan polisentrik;
- Bilangan penduduk melebihi 100,000 orang;
- Pusat pekerjaan utama;
- Mempunyai kemudahan perbandaran yang mencukupi dan berdaya maju;
- Mempunyai fungsi dan potensi tersendiri dalam menjana ekonomi penduduk setempat;
- Mempunyai hubungan pengangkutan yang strategik dengan bandar-bandar utama yang lain; dan
- Terletak dalam lingkungan 40 - 60 minit jarak masa perjalanan ke kawasan tumpuan pekerjaan.



Senarai 11 ZPP :

- 1) **ZPP Kuala Perlis – Kangar – Arau – Pauh Putra**
 - Pemangkin utama pembangunan Negeri Perlis akan membuka koridor baharu sehingga Pauh Putra yang disokong oleh infrastruktur perhubungan seperti cadangan *Northern Corridor Highway (NCH)*, laluan rel berkelajuan tinggi serta perkhidmatan feri ke Langkawi.
- 2) **ZPP Padang Besar – Lembah Chuping**
 - Gerbang pintu masuk darat melalui Negara Thailand, mempunyai fungsi dan ekonomi tersendiri dalam aktiviti perdagangan, perindustrian, logistik dan pelancongan sempadan.

3) ZPP Alor Setar – Jitra – Pendang

- Merupakan pusat pentadbiran negeri, warisan, serta pertanian yang menjadi nodus utama dalam memacu aktiviti ekonomi.

4) ZPP Ipoh – Seri Iskandar – Lumut

- Pusat pentadbiran dan perkhidmatan utama disokong zon pembangunan pelancongan, institusi dan perindustrian maritim. Cadangan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) dapat mengukuhkan peranan ZPP serta merangsang pembangunan ekonomi.

5) ZPP Kota Bharu (Bachok –Kota Bharu-Machang-Pasir Mas-Pasir Puteh-Tanah Merah-Tumpat)

- Penentuan semula sempadan disebabkan rebakan pembangunan yang pesat ke arah selatan. Aktiviti utama lebih tertumpu kepada pusat pentadbiran, aktiviti ekonomi, perkhidmatan dan pusat pelancongan serta disokong oleh cadangan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

6) ZPP Kuala Terengganu

- ZPP ini merupakan pusat pentadbiran negeri, aktiviti ekonomi, pelancongan, perikanan dan marin, serta cadangan kawasan pertumbuhan *Kuala Terengganu City Centre* (KTCC) sebagai pemangkin utama disamping infrastruktur sokongan sedia ada iaitu Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

7) ZPP Jerantut – Bandar Tun Razak (Maran) – Temerloh – Mentakab

- ZPP ini adalah koridor penghubung yang terletak di tengah Semenanjung Malaysia dan memberi tumpuan kepada aktiviti industri perikanan, ekopelancongan, pertanian moden serta disokong dengan ketersediaan infrastruktur seperti Lebuh Raya Pantai Timur.

8) ZPP Bandaraya Melaka Bersejarah

- ZPP ini merupakan pusat pentadbiran negeri yang menjadi pemangkin dalam memacu pembangunan ekonomi yang meliputi aktiviti pelancongan bercirikan warisan dan budaya, serta disokong dengan cadangan rangkaian perhubungan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) dan *Express Rail Link 2* (ERL 2) serta cadangan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE).

9) ZPP Tangkak – Bandar Maharani Bandar Diraja – Pagoh

- ZPP ini merupakan wilayah ekonomi baharu bagi utara Negeri Johor yang mengambil kira limpahan pembangunan di *Pagoh Economic Special Zone* (PESZ), pengukuhan industri perabot bagi Daerah Muar dan Tangkak. ZPP ini juga memfokuskan kepada pendidikan tinggi dan penyelidikan, pelancongan warisan dan pertanian yang membentuk kesalinghubungan ekonomi mampan serta disokong dengan cadangan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE).

10) ZPP Bandar Penggaram – Kluang

- Kedudukan di bahagian tengah Negeri Johor membolehkan ZPP ini boleh diakses terus di bahagian utara, selatan, timur dan barat Negeri Johor dan disokong oleh cadangan infrastruktur iaitu cadangan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) dan cadangan Lebuh Raya *Southern Central Road* (SCR). Tumpuan utama adalah sektor pembuatan, tekstil dan pakaian, pemprosesan makanan dan pelancongan pertanian.

11) ZPP Labuan

- ZPP ini merupakan pusat pentadbiran W.P. Labuan yang memfokuskan aktiviti pelancongan, perkhidmatan serta pelabuhan yang menyokong kepada hab logistik bagi serantau wilayah. Pengukuhan hubungan jaringan jalan raya antara wilayah melalui cadangan laluan di persisiran pantai Labuan (Ganggarak – Tanjung Aru) dan Jambatan Labuan – Sabah akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

PPS 1-C Kawasan Pertumbuhan : Pusat Katalis

Pusat Katalis telah dikenal pasti berdasarkan potensinya dalam memandu pertumbuhan perbandaran di kawasan sekitar berdasarkan manfaat pembangunan fizikal, ekonomi, dan sosial semasa. Peranannya dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi setempat berupaya mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang mampu menaik taraf kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat setempat.

RFN4 mencadangkan **24 Pusat Katalis** berdasarkan kriteria berikut:

Kriteria dan Ciri-Ciri Pusat Katalis

1. Pusat-pusat pertumbuhan yang dikenal pasti terletak di luar kawasan Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP);
2. Corak pembangunan bercirikan monosentrik;
3. Bilangan penduduk melebihi 10,000 orang
4. Mempunyai fungsi dan kepentingan di dalam pembangunan ekonomi tempatan;
5. Mempunyai sumber tempatan yang kukuh dan boleh dieksploitasi;
6. Mempunyai hubungan yang baik kepada kawasan pengaruhnya;
7. Mempunyai pusat perkhidmatan perbandaran; dan
8. Terletak dalam lingkungan 30 minit jarak masa perjalanan ke kawasan tumpuan pekerjaan.



Kuala Kubu Bharu sebagai Pusat Katalis yang menyokong aktiviti ekonomi setempat di Daerah Hulu Selangor


Senarai 24 Pusat Katalis :
Perlis:

1. Beseri
2. Kaki Bukit – Wang Kelian

Kedah:

1. Kuah
2. Bukit Kayu Hitam

Perak:

1. Taiping – Kamunting
2. Lenggong
3. Gerik
4. Teluk Intan
5. Bagan Datuk

Kelantan:

1. Jeli
2. Gua Musang

Terengganu:

1. Jertih

Pahang:

1. Bentong
2. Bandar Muadzam Shah

Selangor:

1. Kuala Selangor
2. Sungai Besar

Negeri Sembilan:

1. Tampin
2. Gemas
3. Seri Jempol

Melaka:

1. Kuala Linggi
2. Pulau Sebang
3. Sungai Rambai

Johor:

1. Segamat
2. Mersing

PPS 1-D

Kawasan Pertumbuhan : Pusat Agropolitan



Penanaman padi sebagai salah satu aktiviti pertanian utama di Daerah Baling selaras dengan fungsinya sebagai Pusat Agropolitan.

Pusat Agropolitan merupakan pusat petempatan desa yang berpotensi untuk memperkembangkan kegiatan pembangunan pertanian dengan rangkaian nilai yang lebih tinggi. Perkembangan sektor pertanian berupaya memperkasa sumbangannya dalam pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan pendapatan masyarakat desa dan kualiti hidup melalui kewujudan peluang pekerjaan.

RFN4 mencadangkan **23 lokasi Pusat Agropolitan** yang membolehkan masyarakat dapat mengambil bahagian dalam agenda transformasi sosioekonomi luar bandar.

Kriteria dan Ciri-Ciri Pusat Agropolitan

1. Pekan atau pusat petempatan desa yang terletak dalam kawasan / daerah agropolitan;
2. Berfungsi sebagai pusat khidmat pertanian yang utama;
3. Berpotensi untuk menjadi pusat pemasaran dan dagangan pertanian;
4. Berpotensi menyediakan pusat latihan tempatan dan juga pusat pemrosesan hasil pertanian daerah agropolitan;
5. Berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi setempat; dan
6. Terletak di luar kawasan konurbasi dan ZPP.



Senarai 23 Pusat Agropolitan :

Kedah:

1. *Kuala Nerang
2. Sik
3. *Baling
4. *Air Hitam

Perak:

1. *Pengkalan Hulu
2. Manong
3. Trolak

Kelantan:

1. Kuala Krai
2. Lojing

Terengganu:

1. Bandar Pemasuri
2. Jertih (**)

Pahang:

1. Raub
2. Kuala Lipis
3. Kuala Rompin

Selangor:

1. Sekinchan
2. Sabak

Negeri Sembilan:


1. Gemas(**)
2. Seri Jempol (**)
3. Rembau
4. *Kuala Pilah

Johor:

1. *Tenggaroh
2. *Rengit
3. *Labis

** Pusat Agropolitan baru yang dikenalpasti dalam RFN4*

*(**) Berfungsi sebagai Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan*



PELAN 3-3: KAWASAN PERTUMBUHAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN W.P. LABUAN

Kawasan Pertumbuhan

- Konurbasi
- Zon Promosi Pembangunan
- Pusat Katalis
- Pusat Agropolitan

Lain-lain

- Ibu Negeri
- Sempadan Negeri

Sumber:
 Rancangan Fizikal Negara
 Ke-4, 2020

PPS 1-E Corak Pembangunan Guna Tanah Keseluruhan

Selaras dengan Agenda Perbandaran Baharu (NUA), RFN4 komited dalam menyediakan sebuah perancangan guna tanah yang memberi penekanan terhadap perkembangan bandar yang terancang menerusi pembaharuan bandar (*urban renewal*), pertumbuhan semula (*urban regeneration*), penaiktarafan (*retrofitting*) kawasan bandar, dan pembangunan secara penuh (*infill development*). Prinsip khusus seperti kesaksamaan, kecekapan dan kemampunan guna tanah diterapkan dalam strategi perancangan semasa.

- Secara keseluruhannya, RFN4 mengalakkan aktiviti pembangunan bercampur (*mixed-use development*) dan pembangunan pelbagai kegunaan serta menggalakkan pembangunan berorientasikan transit (TOD) khususnya di pusat-pusat pertumbuhan. Namun, bagi mengoptimumkan penggunaan tanah, pembangunan secara menegak (*vertical*) melalui penggunaan ruang udara dan ruang bawah tanah bagi kawasan yang sesuai merupakan satu alternatif baharu.
- Kebolehsampaian yang tinggi melalui jaringan pengangkutan darat (lebuhraya dan rel), pengangkutan udara (lapangan terbang) dan pengangkutan air (pelabuhan) dapat meningkatkan hubungan nod-nod pertumbuhan dalam dan luar negara.
- RFN4 mensasarkan peningkatan kawasan litupan hutan sehingga 50 peratus di Semenanjung Malaysia. Sebahagian besarnya terdapat di sekitar Wilayah Timur dengan topografi tanah yang berbukit-bukau serta merupakan kawasan *Central Forest Spine* yang menjadi pemisah kepada kawasan pembangunan Semenanjung Malaysia (rujuk **Pelan 3-4**).
- Pertanian sebagai guna tanah kedua terbesar di Semenanjung Malaysia akan terus dipelihara. Fokus utama adalah bagi produk agromakanan dengan mengambilkira peningkatan produktiviti pengeluaran semasa dan tahap sara diri (*self sufficiency level*).
- Bagi W.P. Labuan, guna tanah utama merupakan tepu bina meliputi 45.3 peratus (2018) daripada keseluruhan kawasan di nod-nod tumpuan utama seperti di Bandar Labuan, sekitar Lapangan Terbang Labuan, sepanjang jaringan jalan raya utama dan persisiran pantai.



Pembangunan di sebahagian kawasan di Jitra, Kedah yang mempunyai gabungan guna tanah utama seperti perumahan, rekreasi dan pertanian



PELAN 3-4 : GUNA TANAH PERANCANGAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN W.P. LABUAN

Guna Tanah

- Tepu Bina Semasa
- Cadangan Tepu Bina
- Kawasan Berhutan
- Badan Air
- Jelapang Padi
- Pertanian

Pengangkutan

- Lapangan Terbang
- Pelabuhan

Nota: LGK - Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi
 AOR - Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim
 PEN - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
 IPH - Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah
 SZB - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah
 KUL - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
 MKZ - Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka

Lain-lain

- Ibu Negeri
- Kawasan Tambakan
- sempadan Negeri
- JHB - Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- KTE - Lapangan Terbang Keretah
- TGG - Lapangan Terbang Sultan Mahmud
- KBR - Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra
- LBU - Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan

Sumber:
 • Kementerian Pengangkutan Malaysia, 2018
 • Lembaga Lebuhraya Malaysia, 2018
 • I-Plan, PLANMalaysia, 2018
 • Jabatan Perhutanan SM, 2018
 • Rancangan Fizikal Negara Ke-4, 2020

Perhubungan pengangkutan merupakan asas utama yang diambil kira dalam mewujudkan ekosistem pembangunan yang menyeluruh bagi menggalakkan pengintegrasian wilayah. Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 menyatakan sektor pengangkutan di Malaysia telah berkembang dengan pesat dengan pencapaian melebihi 5% sejak tahun 2004 serta menyumbang sebanyak 3.6% kepada KDNK negara pada tahun 2017. Selaras dengan pencapaian tersebut, konsep dalam rangka strategik pembangunan spatial yang diperkenalkan dalam RFN4 ini menyokong hasrat dalam mengukuhkan dan menghubungkan nod-nod pertumbuhan utama serta hubungan antara bandar dan luar bandar.

Perincian setiap cadangan telah mengambil kira analisis dan keperluan perancangan seperti mana yang dihuraikan di **Strategi PD 3.1, Teras 1**. Manakala **Pelan 3-5** menunjukkan lokasi utama projek lebuh raya baru yang telah dicadangkan di dalam Laporan *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) dan cadangan jambatan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang dijangka akan meningkatkan lagi kualiti jaringan infrastruktur mobiliti dan pengangkutan yang mampan iaitu:



Kepesatan pembangunan di pusat bandar Kuala Lumpur turut dilengkapi dengan kemudahan jaringan perhubungan yang berkualiti.

1. **Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3) (Terengganu - Kelantan)**
2. **Sambungan dari Lebuh Raya Pantai Timur 4 (LPT4) bagi menghubungkan Pahang ke Johor**
3. **Lebuh raya menghubungkan Wilayah Timur – Wilayah Utara (Tambah baik laluan FT4 - Tanah Merah, Kelantan – Kupang, Kedah dan laluan FT185 (Kuala Terengganu – Simpang Pulai, Perak)**
4. **Sambungan dari Lebuh Raya Central Spine Road (CSR) di Simpang Pelangai, Pahang ke Ulu Tiram, Johor melalui Southern Central Road (SCR)**
5. **Sambungan Lebuh Raya West Coast Expressway (WCE) ke selatan (Johor) dan utara (Perlis) melalui Northern Corridor Highway (NCH)**
6. **Jambatan Labuan – Sabah**

Di samping itu, Strategi PD 3.1 turut menyenaraikan beberapa cadangan jalan raya dan lebuh raya baru bagi setiap negeri serta lebuh raya yang merentasi negeri (rujuk **Pelan 3-5**) sejajar dengan objektif penyediaan mobiliti yang memenuhi permintaan rakyat dan bersifat inklusif. Maklumat di bawah menunjukkan ringkasan bilangan cadangan lebuh raya yang dicadangkan dalam RFN4 mengikut wilayah.

21 Jumlah cadangan jalan raya / lebuh raya baru (merentas negeri)

24 Jumlah cadangan jalan raya / lebuh raya baru di negeri-negeri Wilayah Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak)

